# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 29 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MELAKA BUKA LADANG BEKAL BENIH PADI, NEGARA, KOSMO-15 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | BEKALAN AYAM, TELUR CUKUP UNTUK RAKYAT MELAKA, NEGARA, KOSMO-15 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 3. | KAJIAN MARDI HASILKAN BAWANG MERAH BERKUALITI, SEGAR, NIAGA, KOSMO-38 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 4. | KADA BINA RUMAH PAM KITAR SEMULA, DLM NEGERI, UM-33 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | 'AGROMAKANAN JOHOR KE TARAF ANTARABANGSA', NEGARA, KOSMO-16<br>ISU PERAIRAN, MAKANAN DIBINCNG DI VIETNAM, NEGARA, KOSMO-7<br>WHITE RICE SUPPLY IS SUFFICIENT FOR 5-MONTH, NATION, CHINA PRESS- A6<br>FARMER REDUCE PRODUCTION OF EGG CAUSE SHORTAGE SUPPLY AT MARKET, NATION, CHINA PRESS- A3<br>SLAUGHTERHOUSES TO INCREASE PIG SLAUGHTER FEES STARTING FROM DECEMBER 1, CENTRAL, CHINA PRESS- C1<br>PANGKALAN DATA SALUR BANTUAN, NEWS, SELANGORKINI-17 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |



BENIH padi jenis MR297 akan dibekalkan kepada pesawah di Melaka dalam usaha meningkat hasil pengeluaran tanaman tersebut. – GAMBAR HIASAN

Inisiatif bantu pesawah tingkat pengeluaran hasil

# Melaka buka ladang bekal benih padi

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

**SIDANG DUN MELAKA**

**MELAKA** – Kerajaan negeri memperuntukkan RM300,000 bagi membuka ladang benih padi pada tahun hadapan dalam usaha meningkatkan nisbah kadar kepenggunaan (SSR) kepada 19 peratus untuk tempoh dua tahun akan datang.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, ketika ini, SSR bagi penghasilan padi di negeri ini adalah 9.8 peratus setahun.

Menurutnya, melalui pengwujudan ladang benih padi itu, pesawah akan dibekalkan benih padi berkualiti tinggi sekali gus membantu meningkatkan hasil pengeluaran masing-masing.

"Insentif ini merupakan yang pertama di Malaysia. Ini kerana ada pesawah mendakwa mereka menerima benih padi jenis lama dan tidak mengeluarkan hasil yang banyak.

"Justeru, ladang benih padi ini akan membekalkan golongan pesawah dengan benih padi yang berkualiti tinggi untuk meningkatkan hasil kepada dua atau tiga kali ganda daripada 9.8 peratus setahun kepada 19 peratus dalam tempoh dua tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Ayer Keroh di sini, semalam.

Muhamad Akmal memberitahu, ladang benih padi tersebut akan dibuka di Merlimau dekat sini melibatkan kawasan seluas 32 hektar.

Jelasnya, seramai 17 pesawah dijangka terlibat dengan inisiatif itu dan akan dibekalkan dengan benih padi MR297 yang tahan lasak berbanding benih padi sedia ada.

"Padi ini istimewa kerana berdaya tahan dan tidak memerlukan penggunaan air yang banyak. Kita juga telah menjalankan kajian dengan menanam benih itu di Sempang yang diketahui mempunyai masalah air.

"Sebagai permulaan, kita akan membekalkan benih padi kepada pesawah di sekitar Melaka terlebih dahulu sebelum diperluaskan kepada pesawah di negeri-negeri lain," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Bekalan ayam, telur cukup untuk rakyat Melaka

**MELAKA** – Bekalan sumber protein seperti ayam, lembu, telur dan kambing dilaporkan melebihi keperluan yang diperlukan oleh penduduk negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, pengeluaran telur di negeri ini mencecah 3.3 bilion biji bernilai RM1.1 bilion setahun melebihi nisbah kadar kepenggunaan (SSR) iaitu 853.92 peratus.

Menurutnya, pengeluaran ayam pula mencecah 96,000 metrik tan setahun bernilai RM768 juta, manakala daging lembu atau kerbau mencecah 1,866 metrik tan setahun.

"Pengeluaran daging kambing dan biri-biri adalah 138 tan metrik tan setahun bernilai RM4.83 juta.

"Merujuk kepada data hasil pengeluaran sektor pertanian, perikanan dan penternakan itu, barangan itu adalah mencukupi untuk keperluan rakyat Melaka," katanya ketika sesi pertanyaan lisan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di sini, semalam.

Muhamad Akmal menjawab soalan Datuk Khaidhirah Abu Zahar **(BN-Rim)** mengenai jumlah pengeluaran oleh petani, penternak dan nelayan di Melaka mampu memastikan barangan asas mencukupi untuk keperluan rakyat.

Tambahnya, walaupun kadar sara diri bagi daging lembu dan kambing tidak mencapai 100 peratus, tetapi dari segi keperluan protein ia boleh ditampung melalui ayam dan telur yang melebihi 100 peratus.

Jelasnya, SSR sektor perikanan mencapai 92 peratus melalui pengeluaran akuakultur sebanyak 3,100 metrik tan setahun bernilai RM26.7 juta, manakala tangkapan laut adalah 1,480 metrik tan setahun bernilai RM37.1 juta.

Tambah beliau, pelbagai insentif diberikan kepada penternak dalam usaha meningkatkan pengeluaran sepanjang tahun ini dengan nilai keseluruhan sebanyak RM478,717.



**PENGELUARAN telur ayam di Melaka sebanyak 3.3 bilion biji setahun mencukupi untuk keperluan rakyat negeri itu.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2023 | KOSMO | NIAGA | 38 |

# Kajian Mardi hasilkan bawang merah berkualiti, segar



BAWANG merah hasil kajian Mardi berwarna terang, lebih segar, tahan serangan penyakit dan serangga.

**PETALING JAYA** – Hasil kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) berkaitan bawang sejak tahun 2020 telah membolehkan agensi tersebut melancarkan tiga varieti bawang merah iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 di Show Tech Mardi 2023 pada bulan Ogos lalu.

Melalui inisiatif tersebut, kerajaan bakal mengurangkan kebergantungan import bawang dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, ketiga-tiga varieti bawang merah itu sesuai ditanam di tanah rendah dengan tanah yang berbeza iaitu mineral, BRIS dan gambut.

"Kualiti bawang merah yang



MOHAMAD ZABAWI

diperolehi adalah sama seperti bawang import di pasaran iaitu bersaiz 25 hingga 35 sentimeter berwarna merah terang dan menarik, segar, tahan serangan serangga dan penyakit serta mampu mengeluarkan hasil sekitar empat hingga enam tan sehektar," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Mohamad Zabawi menjelaskan, pengkomersialan pengeluaran bawang merah Mardi akan bermula pada awal tahun hadapan dengan tumpuan kepada pengeluaran benih dan peluasan kawasan di plot-plot usahawan tani.

"MARDI kini dalam fasa permulaan dengan menghasilkan benih-benih bawang daripada bebawang yang ditanam di sebidang tanah berkeluasan satu hektar di ibu pejabat Mardi untuk kami edarkan kepada petani-petani yang telah dikenal pasti untuk mereka mulakan penanaman bawang," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# KADA bina rumah pam kitar semula

**KOTA BHARU:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) sedang membina rumah pam kitar semula dalam usaha menyelesaikan masalah jangka panjang berkait kelewatan bekalan air ke sawah padi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri, Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, projek dijangka siap pada tahun 2025 itu akan membolehkan air dipam dari sumber-sumber yang ada terutamanya sungai-sungai berdekatan.

"Sekarang ini, pihak KADA sedang membina tujuh rumah pam kitar semula iaitu lima di Bachok dan masing-masing satu di Pasir Puteh dan Tumpat," katanya bagi menjawab soalan tambahan dikemukakan Saizol Ismail (Pas - Salor) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kompleks Kota Darulnaim, di sini semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising itu memberitahu, masalah kelewatan bekalan air sering berlaku apabila pihak KADA tidak dapat membekalkan air sepenuhnya terutama dalam musim kemarau.

Katanya, selain rumah pam kitar semula, lain-lain langkah penyelesaian jangka panjang daripada KADA adalah membina Rumah Pam Kemubu 3 dan Empangan Rendah 'Low Wier'.

"Bagi tindakan jangka pendek, pihak KADA membekalkan 96 'backward pump' dengan peruntukan sebanyak RM98,700 dan membina 91 buah telaga tiub menggunakan peruntukan sebanyak RM291,929.90 termasuk keperluan lain yang berkaitan.

"KADA turut menggerakkan aset pam mudah alihnya ke kawasan bermasalah mendapatkan bekalan air terutama di penghujung sistem pengairan," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Tingkat potensi bukan hanya jadi *food basket* negara

# 'Agromakanan Johor ke taraf antarabangsa'

SIDANG DUN JOHOR

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**ISKANDAR PUTERI** – Kerajaan negeri berhasrat untuk memperkasakan lagi potensi Johor bukan sahaja sebagai 'food basket' negara malah kepada negara serantau dan antarabangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, ini susulan peningkatan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tahun lalu.

Ujar beliau, pada tahun lalu, Johor merekodkan pengeluaran buah-buahan terbesar sebanyak 772,317.4 tan metrik atau 34.5 peratus daripada pengeluaran buah-buahan dalam negara membabitkan kawasan bertanam seluas 50,217 hektar.

Katanya, bagi tanaman sayur-sayuran, Johor menjadi pengeluar kedua terbesar selepas Pahang sebanyak 245,330.4 tan metrik babit keluasan bertanam 17,188.3 hektar.



**ZAHARI ketika berucap pada Sidang Dun Johor di Iskandar Puteri semalam.**

"Johor berhasrat untuk membangunkan industri agromakanan sebagai industri yang mampan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa seterusnya meningkatkan lagi tahap sosioekonomi para pengusaha sektor pertanian.

"Ia menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) dalam Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor bagi meningkatkan pengeluaran industri tanaman makanan utama bagi komoditi buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Kerajaan negeri menyasarkan peningkatan pengeluaran buah-buahan sebanyak 33.61 peratus (230,436 tan metrik), manakala pengeluaran sayur-sayuran meningkat kepada 39.9 peratus (44,977 tan metrik) pada 2027," katanya.

Beliau menjawab soalan N. Saraswati (**BN-Kemelah**) mengenai potensi dan tumpuan yang boleh dititikberatkan pengusaha tempatan bagi mengembangkan lagi sektor tanaman yang diusahakan ini.

Mengulas lanjut, Zahari berkata, bagi mencapai sasaran ini, kerajaan negeri menerusi pelbagai agensi menyediakan pelbagai insentif bagi membantu petani melaksanakan aktiviti tanaman ini.

Tambahnya, bantuan insentif meliputi pembangunan ladang seperti penyediaan kawasan, infrastruktur asas, benih dan input, teknologi, sistem pengairan, peralatan, mekanisasi dan jentera, pusat pengumpulan hasil ladang dan lain-lain insentif yang boleh menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti hasil tanaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 7 |

# Isu perairan, makanan dibincang di Vietnam

**REMBAU** – Malaysia dan Vietnam akan terus memperkukuhkan hubungan dua hala apabila bakal mengadakan perbincangan yang menyentuh isu perairan dan jaminan keselamatan makanan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, perkara itu merupakan antara intipati utama lawatan beliau ke negara tersebut yang bermula pada Ahad ini.

Menurut Mohamad, satu memorandum persefahaman (MoU) berkaitan keselamatan pertahanan akan dimeterai hasil pertemuan lanjut dengan rakan sejawatnya pada lawatan berkenaan kelak.

"Antara agenda lain adalah keterjaminan makanan kerana kita (Malaysia) membeli beras dari Vietnam. Sebelum ini, India buat keputusan tidak menjual beras kepada negara luar, beras import melambung tinggi (harga).

"Ini yang hendak kita bincangkan nanti," katanya ketika



**MOHAMAD beramah mesra dengan pengunjung yang hadir pada Majlis Perasmian Juala Agro Madani dan Hari Bertemu Pelanggan PPK Rembau di Rembau semalam.**

ditemui pada Majlis Perasmian Jualan Agro Madani dan Hari Bertemu Pelanggan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rembau di sini, semalam.

Mohamad memberitahu, perkara lain yang akan disentuh pada lawatan itu adalah keselamatan sempadan nelayan dan pencerobohan penangkapan ikan di Laut China Selatan.

"Berunding lebih mudah daripada bertembung, diplomasi pertahanan akan diamalkan. Kita di rantau Asia Tenggara ini akan terus mengamalkan dasar terbuka *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (Zopfan) dan Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara," katanya.

Terdahulu, pada majlis sama, Mohamad turut menyaksikan penyerahan replika kunci traktor kepada PPK Rembau.

Dalam perkembangan lain, Mohamad menggalakkan ahli PPK khususnya di Rembau untuk lebih giat mengusahakan tanah terbiar yang terdiri daripada tanah adat dan pusaka dengan menjalankan aktiviti pertanian.

Jelasnya, pemilik tanah adat atau pusaka yang masih terbiar juga boleh memberikan aset mereka kepada pihak masjid atau Baitulmal supaya ia dapat membantu golongan yang memerlukan.

"Yang penting usahakan tanah terbiar dan keluarkan hasil. Cukup-cukuplah tanam kelapa sawit sudah banyak. Kelapa pun kita terpaksa import," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pangkalan data salur bantuan | | |
| MediaTitle | SelangorKini | | |
| Date | 29 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 250,000 |
| Page No | 17 | Readership | 750,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 71 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 699 |
| Frequency | Weekly | PR Value | RM 2,097 |



# Pangkalan data salur bantuan

**SHAH ALAM** - Pangkalan data raya yang merekod dan mendaftar petani akan dibina bagi memudahkan penyaluran bantuan kepada mereka, kata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Enakmen Pendaftaran Petani akan digubal bagi menyediakan pangkalan data yang bertujuan mengenal pasti bilangan sebenar petani yang terlibat dalam sektor tersebut, lapor Bernama.

"Ia dapat dijadikan rujukan semua pihak khususnya dalam merancang pembangunan sektor agromakanan serta mengelak ketirisan dalam pemberian bantuan kepada petani," kata kenyataan.

Menurut kementerian tersebut, pengukuhan data sektor pertanian dan agromakanan memerlukan sokongan kerajaan negeri demi memastikan sumber maklumatnya terkini dan merentas masa.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | White rice supply is sufficient for 5-month | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 29 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A6 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 55 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,085 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,255 |



# 白米充足夠應付5個月

（吉隆坡28日讯）农业及食品安全部副部长拿督陈泓缣说，国内白米供应充足，足以应付5个月的需求。

他说，除了稳定的白米库存，政府也有多达2179公吨的肉鸡，以及1536公吨的渔产。

“农业部也致力通过2年内5季稻米种植等措施，提高本地粮食供应和库存。”

陈泓缣今日在国会下议院问答环节，如是回答巫统巴耶勿刹国会议员拿督莫哈末沙哈的提问。

他也说，农业部努力落实大规模种植稻米计划（Smart SBB），帮助稻农提高产量。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Farmer reduce production of egg cause shortage supply at market | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 29 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 337 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,648 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,944 |



## 阿米爾：飼料小雞價格飆漲

# 雞農減產雞蛋短缺

獨家
報導•鄭瓊薇



■阿米尔阿里迈丁

（吉隆坡28日讯）迈丁（Mydin）霸市董事经理拿督阿米尔阿里迈丁指出，饲料和小鸡价格飙涨，被压得喘不过气的养鸡业者被迫减产，导致市场上的鸡蛋仍旧严重短缺。

他认为，全球饲料和小鸡价格飙涨，加剧养鸡业者的成本和负担，虽然政府有提供补贴，依然不足以应对，且还有拖延迹象。

阿米尔今日接受《中国报》访问时说，政府应让鸡蛋价格浮动，才能有效解决鸡蛋短缺问题。

"就像让肉鸡价格浮动那样，开始浮动后，供应就恢复了。"

他说，各种佳节已近，如果不尽快解决鸡蛋短缺问题，必定会导致年饼价格连带上涨，因当找不到A、B、C级别的鸡蛋时，这些烘培业者就会以奥美嘉（Omega）高级鸡蛋代替。

农业及粮食安全部副部长拿督陈泓缣早前指出，政府需要待鸡蛋供应稳定后，才落实价格浮动机制，否则将使鸡蛋价格狂飙，令消费者吃不消。

### 或影響低收入群

对此，阿米尔说，并非要待鸡蛋供应稳定后，才实施价格浮动机制，而是实施了，才会让鸡蛋供恢复。

他说，价格浮动后，鸡蛋售价肯定会短时间提高，不过这可以让养鸡业者喘口气，以及有能力产出更多鸡蛋；届时，政府就不必再继续为他们提供补贴。

"至于鸡蛋售价提高后，可能会导致低收入群体生活成本受影响，这时政府可通过关爱援助金等，或提高援助金帮助这些群体。"

他强调，我国目前的鸡蛋售价，比起泰国及印尼，依然不算太贵，届时若真的飙涨，也只是跟这两个国家差不多价格。

他补充，国内目前鸡蛋顶价分别为A级45仙、B级43仙和C级41仙，泰国和印尼鸡蛋目前为每个约60仙至65仙。



■阿米尔建议，让鸡蛋价格浮动，解决鸡蛋短缺。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Slaughterhouses to increase pig slaughter fees starting from December 1 | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 29 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Central | Circulation | 127,822 |
| Page No | C1 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1222 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 24,105 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 72,315 |





←雪隆一带的猪肉价在近一两年来已多次调价。

# 宰豬費 下月起調漲

## 希望農業部插手 屠業行公會反對



↓一旦雪州宰猪场调涨宰猪费，可能会造成猪肉价涨。

报导◆郭貞黎

（吉隆坡28日讯）目前雪州生猪价是每100公斤1720令吉，而雪州宰猪场从12月1日开始调涨宰猪费，不排除将进一步影响猪肉价格，尤其华人新年，大家可能要吃贵猪肉了。

顶级肉品有限公司（Tip Top Meat Sdn Bhd）营运的宰猪场，在10月31日起逢周日和周二关闭，一周只运作5天后，如今再传来于12月1日起调高宰猪费，从12月1日起，将由原本每只32令吉调高至39令吉，引来雪隆屠业行及雪兰莪肉类商公会强烈反对。

雪隆屠业行主席李炳福接受《中国报》电访时说，该屠业行和雪兰莪肉类商公会皆反对雪州宰猪场调高宰猪费，希望农业及食品安全部插手此事。

### 恐帶來連鎖效應

他说，距离宰猪费调涨只剩下数天，农业部方面至今还没有任何的回应。

他指出，农业部等部门不应让宰猪场调高宰猪费，因为一旦调高宰猪费，恐怕会带来连锁效应，影响猪肉价。

他说，他们将观察接下来情况，暂时无法确定猪肉价会的涨幅。

"我们也担心会影响到华人新年期间，猪肉或烧猪等价格。"

"如今的生猪价是每100公斤1720令吉，这价格已是相当高，不希望猪肉价会再涨。"

他说，有关公司在决定减少宰猪场运作天数前，没有和公会讨论，如今调涨猪宰费也是没有与公会讨论，只是单方面做出宣布。

## 李炳福：39令吉宰豬費相當高

李炳福指出，目前，各州的宰猪费不相同，但对于雪州唯一宰猪场，每只生猪39令吉宰猪费是相当高。

他说，从原有的每只生猪32令吉调高至39令吉的宰猪费，也将让猪贩相当难应付，对猪肉贩是非常不公平。

"随着这雪州唯一宰猪场私营化之后，宰猪服务和设备没有改善，我们也曾投诉过其宰猪服务。"



■一旦猪肉价出现波动，预计烧猪、烧肉等价格会受影响。

## 豬肉價是否調漲看屠商

许多猪肉贩对雪州宰猪场调高宰猪费一事感到无奈，他们认为宰猪费调高至39令吉确实太高，让猪肉贩难以招架。

询及宰猪场一旦调涨是否会影响猪肉价格时，受访的猪肉贩说法各异，大部分相信猪肉价格接下来会有调涨，但有部分认为可能会造成内脏部位起价。

有者说，对于接下来情况是要看屠商，因各屠商的做法都不一样。

所谓屠商是养猪场和猪肉贩之间的"中间人"，类似提猪商，主要是在养猪场提猪后载往宰猪场宰杀，之后售卖给猪肉贩。

现有生猪价，每100公斤是介于1680令吉至1720令吉。

他们说，各州宰猪场的营运公司不一样，宰猪费各异，近日州属的宰猪场的宰猪费也出现涨价情况。

他们说，该雪州宰猪场的宰猪费是由有关公司决定，即使是反对宰猪费的涨价，也无补于事。

有者也表明一些州属的宰猪费已调高，包括霹雳一带，有者的宰猪费已涨到40令吉，相信雪州的宰猪费也不是最高。

他们说，该宰猪场是雪州唯一的宰猪场，生猪是送往该宰猪场宰杀，若送到外州的宰猪场，但也要考量至交通、设备等因素。

## 黃吉良：宰豬量減少 也不應調高宰豬費

雪兰莪暨联邦直辖区屠业行成员兼烧猪业者黄吉良说，尽管雪州宰猪场的每日宰猪量减少，但宰猪场不应调高宰猪费。

他说，之前听闻会调高宰猪费，但不知会涨多少，但如果从32令吉涨到39令吉，涨幅是有些高。

他指出，宰猪费一向来都是猪肉贩承担，他们也反对宰猪费的调涨。

他说，如果宰猪费价调高，或多或少都会影响到接下来猪肉的价格。

"据我了解，32令吉的宰猪费大约是维持了2、3年，各州的宰猪费是各异，但雪州的宰猪费是当相高。"

## 豬肉供應僅剩40%

李炳福说，生猪价格高外，同时也面对短缺情况。

他说，兽医局、农业及食品安全部对生猪跨州、养猪场的严格管制，造成国内养猪场、生猪饲养量的减少。

他指出，如今国内生猪供应在减少中，尤其是雪州，如今国内猪肉供应只剩下原有的40%。

他说，目前生猪价是100公斤1720令吉，价格已很高，但却没有足够的生猪供应。

他说，雪州宰猪场在过去每天可以宰杀2000至3000头生猪，如今每天只剩下1000多头猪。

他说，雪州宰猪场之前也以生猪接收量低（500只以下）、水电费和人力短缺问题，把宰猪天数减少至周五天，每周二和周日关闭。

他指出，即使政府进口猪肉，但也无法和缓和猪肉短缺的情况，尤其是本地猪肉价飙升的情况。

## 周志強：因費用更高 無法送往外州宰豬場

猪肉贩周志强说，屠商做法各异，宰猪费调涨，猪肉价未必会涨，也可能涨幅会转移到内脏等部位的价格。

他说，雪州宰猪场上星期发出调涨宰猪费通知给屠商，一般上宰猪费是由猪肉贩承担。

他指出，对于宰猪场调高宰猪费一事感到无奈，相信也没有办法阻止。

他说，在雪州只有这间合法宰猪场，生猪只能载到这里宰杀，宰猪费也是宰猪场规定。

"如果生猪不运往雪宰猪场，送往外州宰猪场宰杀，费用也不见得便宜，加上交通费及猪肉的冷藏和新鲜度等考量，相信不少屠商还是要把生猪送往该宰猪场。"

他说，最近其他州属的宰猪费一样调涨价，据知怡保等地区的宰猪费已是40令吉，因此相信雪州的39令吉不是最高的宰猪费。

Powered by: isentia